PEMATUHAN AKADEMIK PELAJAR DAN PERATURAN AM UNIVERSITI BERKAITAN TATATERTIB (TAMBAHAN)

PENDAFTARAN MATA PELAJARAN

Semua pelajar adalah diwajibkan mendaftar setiap kursus yang diambil dengan kod serta seksyen yang betul pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kursus hendaklah dibuat dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan. Pelajar hanya boleh mendaftar mana-mana kursus yang ditetapkan oleh fakulti apabila ditawarkan. Terdapat kursus yang ditetapkan sebagai kursus prasyarat bagi beberapa kursus (pelajar perlu rujuk Buku Panduan Akademik Fakulti bagi memastikan kursus yang didaftar mengikut kurikulum yang ditetapkan). Ini bermaksud kursus prasyarat tersebut perlu didaftar dan lulus terlebih dahulu sebelum boleh mendaftar kursus yang satu lagi. Sebagai contoh, kursus SEMM 1203 Statik perlu lulus terlebih dahulu sebelum pelajar boleh mendaftar kursus SEMM 1213 Dinamik. Jika pelajar mendaftar serentak kedua-dua kursus tersebut dalam satu semester, keputusan peperiksaan bagi kursus SEMM 1213 Dinamik akan diberi markah **sifar (Gred E)** dan kreditnya diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

Pendaftaran kursus hendaklah dibuat dalam semester semasa untuk semester berikutnya. Pendaftaran kursus dilakukan bermula minggu ke -14 sehingga minggu ke -15 pada semester lazim (tertakluk kepada pindaan). Manakala bagi semester pendek hendaklah dilakukan satu (1) minggu sebelum semester pendek bermula. Universiti boleh mengenakan denda terhadap pelajar yang lewat mendaftar kursus dengan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Kaedah Kewangan Pelajar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Pendaftaran kursus selepas tempoh yang telah ditetapkan adalah tidak dibenarkan, kecuali dengan kelulusan awal daripada pihak fakulti. Pelajar yang gagal mendaftar dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan penamatan pengajian, kecuali dalam keadaan di mana pihak Universiti menerima dan meluluskan alasan yang munasabah serta sah berhubung kelewatan tersebut.

Pelajar sepenuh masa dikehendaki mendaftar sekurang-kurangnya DUA BELAS (12) kredit bagi setiap semester. Keperluan ini merangkumi kursus berstatus Hadir Lulus (HS) dan kursus berstatus Hadir Wajib (HW) dalam semester berkenaan, kecuali bagi pelajar yang berada di bawah status Percubaan Akademik (KS) dan/atau yang berada dalam dua (2) semester terakhir pengajian.

Pelajar yang ingin mendaftar melebihi LAPAN BELAS (18) kredit bagi sesuatu semester hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti. Walau bagaimanapun, pelajar tidak dibenarkan mendaftar melebihi DUA PULUH (20) kredit dalam sesuatu semester.

Pelajar yang berada di bawah status Percubaan Akademik (KS) hanya dibenarkan mendaftar minimum SEMBILAN (9) kredit dan maksimum DUA BELAS (12) kredit pada semester berikutnya. Sebarang pra-pendaftaran yang dibuat oleh pelajar berstatus percubaan adalah terbatal secara automatik dan mereka dikehendaki membuat pendaftaran semula dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan.

Pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus melalui kemudahan dalam talian atau saluran lain yang disediakan dalam tempoh pendaftaran yang ditetapkan oleh universiti.

Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan rekod pendaftaran kursus adalah tepat dan bebas daripada sebarang kesilapan. Sebarang pindaan terhadap pendaftaran kursus asal hanya dibenarkan pada minggu pertama dan minggu kedua semester.

Pendaftaran lewat atau pindaan terhadap pendaftaran kursus tidak akan dibenarkan kecuali atas alasan yang munasabah serta mendapat kelulusan sewajarnya daripada Universiti. Sebarang pindaan yang dibuat pada minggu ketiga semester akan dikenakan penalti sebanyak RM100.00 bagi setiap kursus. Pindaan tersebut merangkumi penambahan, pengguguran, dan pembetulan kod kursus, seksyen, serta status kursus selaras dengan prosedur yang ditetapkan oleh Universiti. Sebarang permohonan pindaan yang dikemukakan selepas hari bekerja terakhir minggu kedua semester tidak akan dipertimbangkan.

Pelajar dengan pengetahuan pensyarah dan persetujuan Penasihat Akademik boleh memohon untuk menarik diri dari mana-mana kursus yang telah didaftarkan pada semester yang berkenaan dengan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Universiti. Permohonan tersebut bermula dari minggu ketiga perkuliahan dan tidak lewat dari hari

bekerja terakhir minggu kelapan perkuliahan. Selepas tempoh ini, permohonan untuk tarik diri kursus tidak diterima.

Kebenaran untuk pelajar menarik diri dari mengikuti sesuatu kursus selain kursus umum adalah tertakluk kepada jumlah kredit minimum kecuali dengan kebenaran Dekan. Taraf Tarik Diri (TD) akan dicatatkan dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip.

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI
(UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA)
(TATATERTIB PELAJAR) 2024 - P.U. (A) 325
Hukuman tatatertib

58. (1) Mana-mana pelajar yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh dikenakan satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti yang berikut:

(a) amaran;

(b) khidmat masyarakat yang tidak melebihi dua puluh empat jam mengikut peraturan-peraturan yang dibuat oleh Lembaga;

(c) denda tidak melebihi lima ratus ringgit;

(d) dilarang daripada berada di dalam mana-mana bahagian Kampus bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib;

(e) dibuang atau dilarang untuk tinggal di asrama;

(f) bagi kesalahan tatatertib yang berhubungan dengan perkara akademik, digantung daripada menduduki apa-apa peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Universiti;

(g) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib; atau

(h) dibuang daripada Universiti.

(2) Berkenaan dengan kesalahan tatatertib di bawah kaedah 8, pihak berkuasa tatatertib boleh, dengan kelulusan Senat, sebagai tambahan kepada hukuman di bawah subkaedah (1), mengenakan hukuman gred gagal bagi mana-mana kursus pengajian tertentu atau semua kursus pengajian semasa semester yang dinyatakan itu.

(3) Bagi maksud kaedah ini—

(a) "semester" bermaksud suatu tempoh masa yang diuntukkan oleh Senat bagi maksud kuliah, peperiksaan dan apa-apa kegiatan pendidikan;

(b) "khidmat masyarakat" ertinya apa-apa perkhidmatan atau apa-apa kegiatan yang dilakukan demi kebaikan orang awam keseluruhannya.

(4) Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi hukuman yang disebut dalam perenggan (1)(b) boleh dikenakan denda lima ratus ringgit.

COURSE REGISTRATION

It is compulsory in every semester for students to register the courses to be taken with the correct codes and sections. Course registration must be done within the pre-registration or registration period. Students can only register for the course offered with the faculty's permission. Students are to note that there are courses designated as pre-requisites to some other courses (students are required to refer to the Faculty Academic Handbook to ensure that the courses they register for comply with the prescribed curriculum). This means that the pre-requisite courses must be registered and passed before the other subject can be registered. For example, a student must pass course SEMM 1203 (Statics) before the student can register for SEMM 1213 (Dynamics). If a student registers both courses concurrently in the same semester the student will be recorded a **zero mark (Grade E)** for SEMM 1213 (Dynamics) in the examination results and its credits will be taken into account in the computation of the GPA and CGPA.

Course registration must be completed during the current semester for enrollment in the subsequent semester. Registration for the regular semester is conducted from Week 14 to Week 15 (subject to amendments). For the short semester, registration must be completed at least one (1) week prior to its commencement. The University reserves the right to impose a late registration penalty on students in accordance with the Student Financial Regulations, as may be amended from time to time. Course registration beyond the designated period will not be permitted unless prior approval is obtained from the faculty. Students who fail to register within the registration period may have their studies terminated, except in cases where the University accepts and approves valid reasons for the delay.

Full-time students are required to register for a minimum of TWELVE (12) credits per semester. This requirement includes courses with Pass Attendance (HS) status and courses with Compulsory Attendance (HW) status within the respective semester, except for students placed under Academic Probation (KS) and/or those in their final two (2) semesters of study.

Students who wish to enrol in more than EIGHTEEN (18) credits per semester must obtain prior approval from the Dean of the Faculty. Under no circumstances shall a student be permitted to register for more than TWENTY (20) credits in any given semester.

Students under Academic Probation (KS) are permitted to register for a minimum of NINE (9) credits and a maximum of TWELVE (12) credits in the subsequent semester only. Any pre-registration made by students under probation status shall be automatically nullified, and they are required to re-register within the stipulated registration period.

Students need to pre-register their courses by using the online or other facilities within the registration period given by the university.

Students are fully responsible for ensuring that their course registration records are accurate and free from any errors. Amendments to the initial course registration may only be made during the first week and second week of the semester.

Late registration or amendments to course registration shall not be permitted except for valid reasons duly approved by the University. Any amendments made during the third week of the semester shall be subject to a penalty of RM100.00 per course. This amendment includes the addition, withdrawal, and correction of course codes, sections, and course status in accordance with the procedures prescribed by the University. Any application for amendments submitted after the last working day of the second week of the semester shall not be entertained.

Students, with the knowledge of the lecturer and the approval of the Academic Advisor, may apply to withdraw from any registered course in the relevant semester in accordance with the procedures prescribed by the University. Such applications may be submitted from the third week of lectures and no later than the last working day of the eighth week of lectures. Applications for course withdrawal will not be accepted after this period.

Approvals for withdrawing from a course are subjected to the required total number of minimum credits unless permission from the Dean in obtained. Withdrawals (TD) will be recorded in the course registration and transcript.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES
(UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA)
(DISCIPLINE OF STUDENTS) RULES 2024 - P.U. (A) 325

Disciplinary punishment

58. (1) Any student who is found guilty of any of the disciplinary offences under these Rules shall be liable to one or any appropriate combination of two or more of the following punishments:

(a) a warning;

(b) community service which shall not exceed twenty-four hours in accordance with the regulations made by the Board;

(c) a fine not exceeding five hundred ringgit;

(d) exclusion from being in any part of the Campus for a period as may be determined by the disciplinary authority;

(e) expulsion or exclusion from staying in the hostel;

(f) for disciplinary offence relating to the academic matters, suspension from sitting any examination as may be determined by the University;

(g) suspension from being a student of the University for a period as may be determined by the disciplinary authority; or

(h) expulsion from the University.

(2) In respect of the disciplinary offences under rule 8, the disciplinary authority may, with the approval of the Senate, in addition to the punishment under subrule (1), impose punishment of a grade of fail for any particular course of studies or all courses of studies during the specified semester.

(3) For the purposes of this rule—

(a) "semester" means a duration of time allocated by the Senate for the purposes of lectures, examinations and other educational activities;

(b) "community service" means any service or any activity that is done for the betterment of the public at large.

(4) Any student who fails to comply with the punishment referred to in paragraph (1)(b) shall be liable to a fine of five hundred ringgit.